

Gesa atasi isu banjir segera

KOTA RAJA - Kerajaan Negeri digesa mengambil tindakan segera mengatasi masalah banjir di Parlimen berkenaan.

Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Kota Raja, R S Maniam berkata, peranan itu harus dilaksanakan segera memandangkan sejak kebelakangan ini cuaca tidak menentu dan kerap kali hujan lebat di kawasan ini.

"Apatah lagi hingga kini lebih tiga kali penduduk berhadapan banjir hingga air memasuki kediaman mereka. Lebih menyedihkan mangsa sama terpaksa berhadapan masalah itu terutamanya di Jalan Datuk Abdul Hamid, Taman Sentosa.

"Justeru, Kerajaan Negeri melalui jabatan terlibat harus menaiktaraf atau menyelenggara sistem saliran agar air dapat mengalir ke

salurannya secara sistematik.

"Jangan salahkan air laut pasang kerana masyarakat tidak boleh terima alasan itu memandangkan air laut memang mempunyai tempoh masa surut dan pasang," katanya ketika turun padang melawat mangsa banjir di Taman Sentosa.

Pada lawatan itu, beliau yang juga Ketua MIC Bahagian Kota Raja berkata, seramai 1,000 mangsa banjir di beberapa kawasan seperti Taman Bukit Rimau, Taman Maznah dan Taman Sentosa dibekalkan makanan dan minuman menerusi peruntukan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

"Kami harap Kerajaan Negeri dapat merasai kesengsaraan mangsa banjir yang terpaksa menanggung kerugian," katanya.